



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2006

**PINDAAN KADAR IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM
BAGI PEGAWAI DALAM KUMPULAN SOKONGAN**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan meluluskan kenaikan kadar Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) bagi pegawai dalam Kumpulan Sokongan.

KADAR BARU IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM

2. Kadar baru ITKA bagi pegawai dalam Kumpulan Sokongan adalah ditetapkan seperti berikut:

GRED	KADAR SEBULAN (RM)	
	SEMASA (RM)	BARU (RM)
35 - 40	170	220
27 - 34	115	160
25 - 26	100	140
17 - 24	80	115
1-16	65	95

TARIKH KUAT KUASA

3. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2007**.

PEMBATALAN

4. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, kadar ITKA bagi pegawai dalam Kumpulan Sokongan yang ditetapkan di perenggan 3 Lampiran C8 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK AB. KHALIL BIN AB. HAMID)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

25 September 2006

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan